



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

---

Course Code & Name	: <b>MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A</b>
Trimester & Year	: September - December 2019
Lecturer/Examiner	: Ms Normaizura Md Zain
Duration	: 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
 

<b>PART A (30 marks)</b>	: THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.				
<b>PART B (70 marks)</b>	: <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;">SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa</td> <td style="width: 95%;">SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Answers are to be written in the Answer Booklet provided.</td> </tr> </table>	SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa	SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)	Answers are to be written in the Answer Booklet provided.	
SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa	SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)				
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.					
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

## BAHAGIAN B

### SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

#### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

##### Petikan (i)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Mahsuri semakin hari semakin meningkat dewasa. Wajahnya sangat cantik sehingga tidak ada seorang pun di seluruh Pulau Langkawi itu dapat melawan kecantikannya. Dia suka memakai pakaian berwarna hitam. Tutur katanya juga cukup sopan. Akhlaknya juga bagus. Keperibadian Mahsuri ini menjadi **buah mulut** penduduk di Pulau Langkawi.

Pada masa itu, Pulau Langkawi di bawah pemerintahan Datuk Seri Kerma Jaya. Datuk Seri Kerma Jaya terdengar tentang kecantikan Mahsuri lalu dia pun berhasrat hendak memperisterikan Mahsuri. Malangnya dia sudah beristeri. Isterinya bernama Mahura. Mahura amat marah dan berkelahi dengan Datuk Seri Kerma Jaya. Namun begitu, Mahura mencadangkan supaya Mahsuri itu dijodohkan dengan anak mereka iaitu, Wan Darus. Mahsuri pun akhirnya dikahwinkan dengan Wan Darus dan mereka hidup aman damai.

Beberapa bulan kemudian, Mahsuri pun hamil. Pada masa Mahsuri hamil, ada seorang pemuda bernama Deramang (Abdul Rahman) berasal dari Melaka dan tinggal di Pulau Langkawi. Deramang merupakan orang yang sangat miskin, tetapi dia pandai membaca hikayat dan syair. Deramang pergi ke rumah Mahsuri untuk meminta sedekah. Mahsuri yang sangat kasihan melihat nasib Deramang terus mempelawa Derama untuk tinggal di rumahnya bersama ibu dan bapanya.

Mahsuri sangat suka apabila Derama membaca hikayat dan syair. Malah, orang-orang kampung juga suka mendengar cerita Deramang. Ramailah yang sering berkunjung ke rumah Mahsuri sehinggalah Mahsuri melahirkan anak lelaki yang dinamakan Wan Hakim.

Mahura, isteri Datuk Seri Kerma Jaya berasa dengki dan marah terhadap Mahsuri kerana sudah kurang orang yang datang ke rumahnya. Mahura pun telah menyebarkan fitnah dengan mengatakan bahawa Mahsuri telah melakukan hubungan sulit dengan Deramang. Dia memberitahu suaminya bahawa Mahsuri berkasih-kasihan dengan Deramang setiap kali Wan Darus pergi bermiaga ke Negeri Siam.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata **buah mulut**? (2 markah)
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** ciri yang boleh menggambarkan Mahsuri. (4 markah)
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** keburukan fitnah. (4 markah)

### **Petikan (ii)**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

Kes buli sebenarnya satu manifestasi daripada status emosi anak-anak remaja kini, yang menunjukkan betapa banyaknya jiwa remaja yang kacau. Jiwa kacau mereka itu telah menghasilkan tindakan negatif kepada masyarakat. Kes buli biasanya berlaku kepada anak remaja di sekolah. Anak-anak yang dahulunya semasa kecil **ditatang bagi minyak yang penuh** telah menjadi menjadi remaja yang ganas dan liar.

Kes-kes buli yang melibatkan pelajar sekolah di negara ini amat dipandang serius oleh pihak kerajaan. Malahan, pihak kerajaan komited untuk menangani kejadian seumpama itu. Hal ini susulan sebuah video yang tular memaparkan seorang murid lelaki dipukul oleh tiga orang murid lain dalam kejadian yang dipercayai berlaku di Besut, Terengganu baru-baru ini.

Kementerian Pendidikan juga turut menekankan bahawa adalah menjadi keutamaan kementerian itu untuk memastikan keselamatan murid di sekolah sentiasa terjaga. Antara langkah yang diambil adalah seperti langkah pencegahan seperti program kesedaran gejala buli dan perlu menguatkuaskan peraturan sekolah. Malahan, pihak sekolah juga perlu menangani emosi mangsa dengan memberikan intervensi kepada mangsa serta menjalinkan kerjasama padu dengan semua pihak.

Seterusnya, pihak sekolah turut diberikan surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah dan menangani buli untuk mengawal kes buli. Sekiranya berlaku kes buli di sesebuah sekolah, pihak sekolah perlu mengambil tindakan segera dengan memanggil kedua-dua pihak untuk membincangkan perkara berkenaan. Pelajar-pelajar yang terlibat juga akan diberikan kaunseling.

Namun begitu, pihak pengurusan sekolah juga perlu tahu bahawa mangsa buli kini boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak pengurusan sekolah. Hal ini berikutan keputusan dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu yang membenarkan tuntutan saman berjumlah RM616,634.20 kepada seorang mangsa buli yang mengalami kecacatan kekal pendengaran.

Justeru, semua pihak perlu memberikan kerjasama dan sokongan untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat, menggembirakan dan menyeronokkan.

*(dipetik dan diubah suai daripada artikel  
'Kementerian Pendidikan pandang serius kes buli sekolah', 2019)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **ditatang bagi minyak yang penuh**? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk membendung kes buli ini. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** sebab yang menjadikan seseorang remaja itu sebagai pembuli? **(4 markah)**

## **TATABAHASA (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. lihat (**2 markah**)
- II. melihat (**2 markah**)
- III. terlihat (**2 markah**)
- IV. penglihatan (**2 markah**)
- V. kelihatan (**2 markah**)

**(10 markah)**

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis di kertas jawapan yang disediakan.

1. “Jenerasi muda harus mencintai dan hargai kesenian dan kebudayaan warisan bangsa,” tegas guru pengiring itu dengan penuh semangat.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Mangsa kemalangan jalanraya itu telah mengejar ke hospital dengan menggunakan sebuah ambulans.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Semua calon SPM dijangka akan terima keputusan masing-masing pada bulan Februari.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Stress juga boleh diatasi dengan cara menfikirkan perkara-perkara yang menggembirakan kehidupan kita.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Nenek Rajesh baru saja membuat peperiksaan jantung di Klinik Lim.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

(10 markah)

**SOALAN 2**

**: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN**

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

**KARANGAN**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Malaysia telah mengekalkan rekod dalam kelompok sepuluh negara destinasi pelancongan terbaik di dunia. Huraikan keistimewaan yang terdapat di Malaysia sehingga mampu menarik perhatian pelancong untuk berkunjung ke sini.

**ATAU;**

2. Penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukan akan mendatangkan pelbagai kebaikan untuk diri mereka. Jelaskan pendapat anda tentang kebaikan melibatkan diri dalam aktiviti sukan dalam kalangan pelajar.

**ATAU;**

3. Setiap orang mempunyai hobi tersendiri. Bincangkan faedah-faedah hobi yang bermanfaat kepada golongan remaja

**KERTAS SOALAN TAMAT**